

UCAPAN ENCIK ZAQY MOHAMAD DALAM MAJLIS BULAN BAHASA DI KELAB MASYARAKAT KEAT HONG, SABTU, 28 SEPTEMBER 2019

Assalamualaikum wrb,

Petang ini, kita dapat bersama meraikan acara Bulan Bahasa di Kelab Masyarakat ini, yang dianjurkan MAEC Keat Hong dan sokongan banyak pihak. Ini termasuk Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC), Majlis Bahasa Melayu Singapura dan Lembaga Warisan Negara (NHB).

Terima kasih kepada semua yang terlibat.

Sejak beberapa tahun lalu, kita telah meluaskan sambutan Bulan Bahasa agar lebih ramai penduduk, termasuk golongan muda, dapat menyertai acara-acara di sambung membantu memakmurkan lagi bahasa Melayu.

Dengan kerjasama pelbagai pihak, kita juga dapat mengadakan acara-acara untuk memenuhi selera dan keperluan pelbagai peringkat usia. Corak kegiatan juga lebih pelbagai.

Misalnya, pada petang ini kita ingin menggalak penggunaan bahasa Melayu menerusi kegiatan permainan dan persembahan muzikal.

Antara kegiatan lain ialah bengkel lukisan dan lakonan, yang memberi peluang kepada peserta mempelajari Bahasa Melayu dengan mudah dan seronok.

Saya ingin menyentuh tentang tema Bahasa @ Keat Hong untuk tahun ini iaitu “Aku Masih Fasih” . Ini satu tema yang sesuai lebih-lebih lagi dalam usaha untuk terus menggalak masyarakat kita memakmurkan bahasa Melayu.

Walaupun bagi kebanyakan kita, bahasa Inggeris adalah bahasa utama, kita juga dapat berbangga kerana masyarakat kita masih terus memberi keutamaan kepada bahasa ibunda kita, termasuk menggalak anak-anak kita dan generasi lebih muda untuk terus mencintai Bahasa Melayu. Di samping itu, dasar dan sokongan pemerintah juga banyak membantu.

Bahasa Melayu adalah warisan berharga kita dan kita perlu terus memeliharanya.

Sekian, terima kasih.